

PETUNJUK PASARAN FBM KLCI (7 OKT) 1,559.00 (+1.33) FBM KLCI (8 OKT) 1,558.79 (-0.21) FBM KLCI (9 OKT) 1,551.23 (-7.56) FBM KLCI (10 OKT) 1,551.87 (+0.64) FBM KLCI (11 OKT) 1,556.84 (+4.97) Tukaran Ringgit - RM RM14.1870 (+0.0025)



Kontrak ECRL firma tempatan ditambah 40 peratus

Bolehkan ramai kontraktor terbabit projek infrastruktur mega negara

Tawaran tender untuk kontraktor tempatan akan bermula pada suku keempat ini

Darwis Abdul Razak,
Ketua Pegawai Eksekutif MRL



Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kontraktor tempatan dianggarkan bakal meraih kontrak bernilai sehingga RM10 bilion bagi kerja sivil pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak, berkata nilai kontrak itu berdasarkan kepada peruntukan 40 peratus berbanding 30 peratus untuk kontraktor tempatan seperti yang diumumkan sebelum ini. Darwis berkata, berdasarkan Perjanjian Tambahan (SA) antara MRL dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) yang sudah dimeterai pada 12 April lalu menyaksikan peningkatan pembabitn kontraktor tempatan dalam kerja sivil ECRL.

Penambahan kepada 40 peratus peruntukan kepada kontraktor tempatan bagi kerja sivil membolehkan lebih ramai terbabit dalam projek infrastruktur mega negara ini.

Tawaran tender untuk kontraktor tempatan akan bermula

pada suku keempat ini, katanya pada temu bual bersama BH baru ini. Sebanyak 331 syarikat kontraktor Malaysia disenarai pendek sebagai penender berpotensi melalui program Pra Kelayakan (Pre-Q) projek ECRL. Panggilan penyerahan dokumen Pre-Q dibuka pada 29 dan 30 Mei lalu oleh CCCC dalam usaha mengenal pasti subkontraktor tempatan yang berpotensi mengambil bahagian dalam projek ECRL. Syarikat yang berdaftar dengan CIDB dari Gred G3 hingga G7 dan yang mempunyai minimum skor 2 bintang sudah dipelawa dan digalakkan menyertai program Pre-Q ini.

Jawatankuasa Penilaian Pre-Q yang diwakili oleh MRL dan CCCC menyenarai pendek 331 atau 25.1 peratus daripada 1,321 syarikat kontraktor Malaysia yang berpotensi menjadi penender ECRL selepas menilai latar belakang syarikat, pengurusan kewangan, kakitangan teknikal serta loji dan peralatan syarikat yang mengambil bahagian dalam program Pre-Q itu.

Katanya, daripada 331 syarikat pembinaan yang lulus saringan dan tersenarai sebagai penender berpotensi, syarikat yang dalam kategori gred CIDB G7 mewakili jumlah terbesar iaitu 164 syarikat disusuli dengan gred CIDB G4 iaitu sebanyak 69 syarikat.

Selebihnya adalah Gred CIDB G3 sebanyak 45 syarikat, manakala G5 dan G6 masing-masing sebanyak 33 dan 20 syarikat.

Jawatankuasa Penilaian Pre-Q turut mengenal pasti 234 atau 70.7 peratus daripada 331 syarikat pembinaan yang dipilih adalah syarikat Bumiputera.

Mengulas lanjut, Darwis berkata, pakej tender 40 peratus kerja sivil tidak termasuk pembinaan terowong akan dimulakan dengan pakej peringkat pertama untuk jajaran Dungun ke Mentakab atau Seksyen B sepanjang 223 km yang sudah dimuktamadkan.

Pakej peringkat seterusnya untuk Seksyen A (dari Kota Bharu ke Dungun) dan Seksyen C (dari Mentakab ke Pelabuhan Klang) akan dimulakan setelah jajaran dimuktamadkan pada pertengahan 2020.

Lihat muka 24